

## **KAEDAH BERKESAN VOKAL AWI DALAM MEMBANTU PENYAMBUNGAN HURUF VOKAL JAWI UNTUK MURID TAHUN ENAM**

Oleh

**MOHD YASIR ALMANDILY BIN AWALUDDIN**  
**biologist\_89@yahoo.com**

### **ABSTRAK**

Murid-murid sekolah rendah sering berhadapan masalah tidak mahir untuk menulis Jawi dan lemah dalam menyambung huruf-huruf tunggal Jawi. Kajian ini dilaksanakan bertujuan mencari satu pendekatan yang berkesan dalam menulis dan menyambung huruf-huruf vokal Jawi iaitu Alif ( ), Wau ( ) , dan Ya ( ). Kajian hanya tertumpu kepada huruf vokal sahaja kerana huruf-huruf ini kerap digunakan dalam menulis perkataan Jawi. Penggunaan simbol tambah ( + ) dan tolak ( - ) serta aplikasi warna dilihat mampu membantu murid menulis seterusnya menyambung huruf-huruf vokal Jawi. Kaedah ujian pra dan pasca, pemerhatian, soal selidik dan catatan nota lapangan digunakan untuk mengumpul data tentang kesan kajian. Intervensi yang dinamakan ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ ini terbukti mampu membantu tiga orang peserta kajian dalam menulis huruf vokal Jawi seterusnya menambah baik amalan saya.

*Kata kunci: Huruf vokal Jawi, simbol ( + ) dan ( - ), aplikasi warna, intervensi, ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’.*

### **ABSTRACT**

Primary school pupils often face the problem in writing Jawi and weak in connecting Jawi single letters. This study was carried out with the aims at finding an effective approach in writing and connecting vowel letters which are Alif ( ), Wau ( ) , and Ya ( ). The study only focused on the vowels because the characters are often used in writing any words in Jawi. The use of plus symbol (+) and minus (-) as well as colour applications are able to help students to write and connect Jawi vowel letters. Pre and post-test method, observation, questionnaires and recorded field notes were used to collect data. This intervention called 'The Effective Method of AWI Vowels' is proven to help the three participants in writing vowels as well as improving my practice.

*Keywords: Jawi vowels, (+) and (-) symbols, colour application, intervention, 'The Effective Method of AWI Vowels'.*

### **PENGENALAN**

#### **Konteks**

Saya merupakan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching. Pengkhususan pengajian saya ialah Pengajian Islam. Saya telah menjalani beberapa siri praktikum dan fasa ketiga di Sekolah Kebangsaan Sri Pandan (nama samaran) bermula 30 Januari 2011 hingga 27 April 2012. Pada semester 8 saya telah mengikuti Internship selama sebulan di sekolah yang sama.

### **Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran jawi adalah salah satu daripada bidang di dalam Pendidikan Islam dan terdapat banyak kaedah serta teknik yang perlu digunakan dari semasa ke semasa mengikut tahap kemahiran murid. Namun begitu, hal ini sukar bagi murid yang lemah dalam pelajaran jawi kerana mereka hanya diperuntukkan masa belajar dan berlatih mempraktikkan kemahiran menulis jawi yang hanya dipelajari pada waktu persekolahan sedia ada atau yang belajar pada masa tambahan di sekolah agama petang mereka. Selain daripada itu peruntukan masa untuk pemulihan jawi hanya 30 minit seminggu tidak mencukupi kerana pelajaran jawi memerlukan mereka diberi latihan yang banyak terutama dari segi penulisan.

Hasil daripada pengalaman praktikum lepas, tahap kemampuan murid sekolah rendah dalam menulis Jawi kini berada pada keadaan yang membimbangkan. Perkara ini jika tidak ditegah dikhuatir akan berlarutan ke sekolah menengah kelak. Pada masa yang sama, khazanah melayu ini akan pupus dek perubahan zaman.

Justeru, setelah mengesahkan masalah yang sering berlaku dalam penulisan melalui buku latihan mereka, didapati mereka mempunyai masalah yang serius iaitu cara menulis dan menyambung huruf. Terdapat beberapa orang murid tidak dapat menyambung huruf jawi dengan betul di mana mereka akan menulis semula kesemua huruf tersebut tanpa menyambung sebarang huruf dan ada yang menulis semula huruf-huruf tunggal tersebut dengan menyambung semua huruf-huruf sama ada huruf.

Kajian Zamferi Ibrahim (2009) juga mendapati ramai murid yang lemah dan kurang memahamikaedah bagaimana untuk menyambung huruf-huruf jawi yang diberikan, sehingga mereka sering gagal untuk menulis perkataan yang tepat dan betul. Rentetan permasalahan ini, maka saya telah menjalankan satu kajian tindakan mengenai kaedah berkesan menulis dan menyambung huruf Jawi untuk murid tahun 6. Peserta-peserta kajian hanya dipilih daripada calon-calon UPSR adalah bertujuan mengekang masalah ini terus ke alam sekolah menengah.

### **Fokus Kajian**

Norhawati Salimuddin (2000) dalam kajian Shazana Muhamed Sa'ad (2009) menyatakan menguasai kemahiran menulis termasuk tulisan Jawi bukanlah semudah seperti kemahiran bahasa yang lain. Ia memerlukan keupayaan kognitif dan psikomotor, perkembangan dan kecekapan deria motor yang sempurna untuk membentuk dan menghasilkan bentuk-bentuk huruf di samping memerlukan koordinasi mata dan otak. Ini kerana tulisan jawi merupakan suatu hasil kraf dan seni yang mesti diajar dengan cara dan teknik yang betul sejak awal lagi. Oleh itu, kemahiran menulis jawi pastinya memerlukan latihan dan bimbingan bagi melahirkan murid yang mampu dan berupaya menghasilkan tulisan dengan bentuk yang sempurna dengan menggunakan deria dan mental.

Masalah murid gagal menulis Jawi ini turut berlaku dalam tinjauan awal kajian tindakan saya. Berdasarkan pemerhatian, antara sebab perkara ini berlaku ialah kurangnya minat, menganggap pelajaran Jawi tidak penting dan kaedah yang diketengahkan guru tidak berupaya menarik perhatian murid. Justeru, saya telah membuat satu intervensi bagi mencari permasalahan ini. Intervensi ini dipanggil

'Kaedah Berkesan Vokal AWI' yang mana menggabungkan elemen simbol dan warna dalam pengajaran.

### **Objektif Kajian**

- a) Mengenalpastipencapaianmuriddalammenulis hurufvokal Jawi setelah 'Kaedah Berkesan Vokal AWI' diperkenalkan.
- b) Mengenalpastirespon peserta kajian terhadap bidang Jawi selepas 'Kaedah Berkesan Vokal AWI' diaplikasikan.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan berikut.

- a) Adakah 'Kaedah Berkesan Vokal AWI' berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dalam menulis huruf vokal Jawi?
- b) Sejauh manakah respon peserta kajian terhadap bidang Jawi selepas intervensi ini diperkenal?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Bagi mengenalpastisama ada peserta kajian dapat menyambung huruf-huruf Jawi tunggal atau tidak khususnya dalam huruf vokal, saya telah menggunakan ujian pra. Ujian ini saya berikan selepas menjalankan ujian diagnostik kepada 23 orang murid yang mana merupakan kumpulan sasaran. Jadual berikut merupakan keputusan ujian pra ketiga-tiga peserta kajian.

**Jadual1: Markah dan redujian pra**


<b>Nama / Ujian</b>	<b>Pra (%)</b>	<b>Gred</b>
Peserta Kajian1	50	C
Peserta Kajian2	40	D
Peserta Kajian3	40	D

Hasil daripada keputusan ujian pra ini, didapati tahap penulisan peserta-peserta kajian pada tahap yang kurang memuaskan. Peserta kajian 1 mendapat markah sebanyak 50% dengan memperoleh gred C. Peserta kajian 2 dan 3 pula mendapat markah yang sama iaitu 40% dengan gred D.

Selain itu, saya juga telah menjalankan pemerhatian terhadap peserta kajian semasa mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di kelas saya sekaligus sesi perjumpaan kali pertama bagi saya dalam proses melaksanakan kajian ini. Saya menggunakan kaedah pemerhatian ini bagi memahami satu-satu situasi dan memikirkannya secara kritikal.

Secara amnya, kesemua peserta kajian ini mempunyai permasalahan yang sama dalam penulisan Jawi iaitu tidak tahu huruf yang boleh disambung atau tidak. Selain itu tulisan juga tidak menepati standard contohnya huruf Wau ditulis di atas garisan. Setelah benar-benar mengenal pasti murid-murid yang menghadapi masalah penguasaan kemahiran menulis huruf Jawi bersambung dan tidak bersambung, saya mula membuat perancangan untuk kajian tindakan saya ini.

Berikut merupakan kerangka masalah dan perancangan kajian :



**Rajah 1 :Konsepkerangkamasalahdanperancangan**

Perancangan yang teliti dan tersusun dibuat bagi membantu murid-murid ini dalam mengatasi masalah kelemahan kemahiran menulis dan menyambung huruf-huruf Jawi dengan betul. Saya telah memikirkan jalan penyelesaian kepada permasalahan ini untuk memperkenalkan mereka dengan formula baru dalam pembelajaran jawi mereka iaitu ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’.

Dalam kaedah ini simbol matematik tambah (+) dan tolak (-) digunakan dalam kaedah ini agar peserta-peserta kajian mudah faham bahawa simbol (+) bermaksud huruf tersebut boleh disambung manakala simbol (-) pula sebaliknya. Aplikasi warna turut diselitkan dalam inovasi agar dapat merangsang minda murid. Warna yang dipilih ialah hijau dan merah. Warna hijau diselitkan dalam simbol tambah (+) seterusnya warna merah pula pada simbol (-).

Elemen-elemen sebeginilah yang akan menarik minat murid. Ini bersesuaian dengan ungkapan Emily Calhoun (1994) yang menarik dalam Shamsina Shamsuddin (2011) iaitu “*marilah kita mempelajari apa yang terjadi di sekolah kita dan membuat keputusan bagaimana mengubahnya untuk menjadi sebuah tempat mengajar dan belajar yang lebih baik*”.

### Pelaksanaan Tindakan


Setelah saya menyiapkan perancangan, saya memulakan tugas bagi melaksanakan tindakan tersebut. Terdapat beberapa aktiviti dan langkah-langkah tindakan yang dijalankan sepanjang proses kajian tindakan ini.

**Aktiviti I:** Memperkenal huruf vokal.

Sebelum menjalankan inovasi, perkara utama yang perlu ada pada peserta kajian ialah pengetahuan mengenai huruf vokal. Hal ini penting kerana intervensi yang akan diperkenalkan adalah mengenai huruf vokal sahaja.

**Aktiviti II:** Memperkenalkan ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’.

Saya memperkenalkan formula ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ kepada murid-murid serta menerangkan berkenaan konsep tersebut. Dengan berpandukan kad intervensi ini, saya menerangkan mengenai huruf-huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung dengan menggunakan simbol (+) dan (-) serta warna hijau dan merah. Di hujung pertemua peserta kajian diminta untuk menyatakan kembali huruf-huruf vokal dan kaedahnya tanpa merujuk kepada kad yang diberikan.



Rajah 2 :Intervensi ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’

**Aktiviti III:** Ujian pasca,pemerhatian, soal selidik dan catatan nota lapangan.

Ujian pasca dijalankan untuk menilai keberkesanan intervensi. Saya telah menyuruh peserta-peserta kajian untuk menjawab ujian yang diberikan. Ujian ini adalah aras yang sama dengan ujian pra namun soalan yang berlainan. Borang soal selidik diberikan untuk mengenal pasti sejauh mana mereka menerima kaedah ini dan minat mereka terhadap bidang Jawi. Setiap perubahan kelakuan para peserta kajian dicatat dalam nota lapangan.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Kumpulan sasaran ialah 23 orang murid yang terdiri daripada 11 orang murid lelaki dan 12 orang murid perempuan. Fokus kajian saya kepada tiga orang murid sahaja iaitu dua orang lelaki dan seorang perempuan yang mana merupakan peserta

kajian. Murid tersebut adalah daripada kelas-kelas tahun 6. Saya mengambil keputusan untuk menjalankan kajian hanya ke atas tiga orang murid ini sahaja kerana mereka ini terdiri daripada murid aras pembelajaran lemah di dalam kelas tersebut terutama lemah dalam menulis dan menyambung jawi. Saya ingin menilai keberkesanannya intervensi ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ yang akan saya jalankan ini terutamanya dalam membantu meningkatkan kemahiran penulisan Jawi mereka. Selain itu dapat meningkatkan minat dan prestasi murid-murid ini dalam pelajaran Jawi dan Pendidikan Islam.

### **Eтика Penyelidikan**

Sebelum saya memulakan penyelidikan tindakan ini, pihak IPG Kampus Batu Lintang telah menghantar surat kebenaran kepada pihak pengurusan sekolah untuk memohon kebenaran secara formal. Murid-murid yang menjadi peserta kajian ini turut diberikan surat kebenaran dan permohonan untuk menjalankan penyelidikan terhadap mereka. Semua perkara sulit sepanjang kajian ini dirahsiakan sepenuhnya.

### **Teknik Mengumpul dan Menganalisis Data**

Teknik pengumpulan data yang saya gunakan ialah pemerhatian dan catatan nota lapangan. Kedua-dua teknik ini dijalankan secara tidak berstruktur.

#### **Pemerhatian**

Saya mencatat semua pemerhatian yang dijalankan secara berturutan. Pemerhatian dilakukan pada sebelum, semasa dan selepas intervensi. Pemerhatian ini bertujuan untuk memerhati gerak laku serta maklum balas yang diberikan oleh kumpulan sasaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung bagi mengenal pasti tahap penguasaan dan kelemahan murid semasa menulis Jawi. Pemerhatian ini saya jalankan dengan menggunakan borang pemerhatian yang akan diisi selepas tamat sesi pengajaran dan pembelajaran bagi Pelajaran Jawi. Borang pemerhatian ini mengandungi butir-butir seperti tarikh, masa, tempat, aktiviti dan catatan pemerhatian serta refleksi daripada pemerhatian yang telah dijalankan. Senarai semak ini digunakan bagi mengenal pasti ciri-ciri tingkah laku atau perkara yang ingin diuji ada atau tidak ada pada murid. Borang pemerhatian ini mengandungi butiran seperti tarikh, masa, tempat, kemahiran yang ingin dilihat berdasarkan kepada tahap-tahap atau peringkatnya iaitu mengikut susunan berdasarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan, tahap pencapaian iaitu lemah, sederhana dan baik serta ruang untuk catatan.

#### **Catatan nota lapangan**

Kaedah kedua yang sayagunakanialahcatatan nota lapangan. Melaluikepelbagaiankaedahdanstrategi digunakanandalampengajaranbidangjawi, sayadapatiterdapatperubahan yang agakketaraterhadapsikapmuriddalammenunjukkanminatsemasabelajar. Perubahani niadalahbersifatpositifkeranamurid-muridsentiasamenunjukkansikapinkuiriketikapengajaranberlangsung. Malah di saatlangkahpenutupdijalankan, adamurid yang awal-awallagibertanya, “bilalagikelasustaz? Esokadatok?”. Kesemuaperkarainisayatelahcatatdalam nota lapanganbagimemastikan data danbukti yang dikumpulbenar-benarsahih.


## DAPATAN

### Hasil kajian

a) Adakah ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ dapat meningkatkan pencapaian murid dalam menulis huruf vokal Jawi?

### Ujian Pra Dan Ujian Pasca


Saya telah memilih ujian pra dan pasca bagi menjawab persoalan di atas. Graf berikut merupakan keputusan ujian pra dan pasca.



Markah Ujian	Gred
80 – 100	A
60 – 79	B
50 – 59	C
40 - 49	D
0 – 39	E

Berdasarkan rajah di atas, didapati perbezaan markah antara ujian pra dan pasca. Bagi peserta kajian 1, markah yang diperoleh untuk ujian pra ialah 50 % dan ujian pasca ialah 70 %. Sebanyak 20 % peningkatan markah yang ditunjukkan. Sementara peserta kajian 2 pula mencatat peningkatan sebanyak 30 %. Gred yang diperoleh berubah iaitu B. Manakala peserta kajian 3 skor markah 80 % dengan peningkatan sebanyak 40 markah. Dapatkan ini membuktikan bahawa ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ dapat membantu murid tahun 6 dalam menulis huruf vokal

Jawi. Rajah 4 berikut menunjukkan markah prestasi ujian pra dan pasca bagi peserta kajian 1



**Rajah 4**

*:Perbandingan pencapaiandalamujianpradanpasca*

**b) Sejauh manakah respon peserta kajian terhadap bidang Jawi selepas intervensi ini di perkenal?**

Bagi menjawab persoalan ini pula saya gunakan kaedah soal selidik dan nota lapangan.

### **Soal selidik**

#### **Jadual3 :Analisissoalselidik**

AnalisissoalselidikkeberkesananKaedahVokal AWI					
B	Soalan	Ya	Tid	Catat	
il			ak	an	
1.	Adakah kaedah ini dapat menarik minat anda untuk terus mempelajari Jawi?	100 %	0%		
2.	Adakah kaedah ini dapat membantu anda dalam memahami teknik penulisan vokal Jawi?	66%	33%		
3.	Adakah anda semakin berminat untuk belajar Jawi?	100 %	0%		

Sayatelahagihkanmerekaborangsoalselidikkeberkesanan ‘KaedahBerkesanVokal AWI’. Ini adalah untuk mengenal pasti sama ada inovasi pengajaran yang saya aplikasikan kepada mereka berkesan atau pun sebaliknya. Ketiga-tiga peserta kajian bersetuju bahawa kaedah ini mampu untuk menarik minat mereka untuk belajar. Bagi soalan pertama yang menyentuh haspek menarik minat, keseluruhan peserta kajian (100%) menyatakan mereka berminat untuk terus belajar Jawi.

Dua daripada peserta-peserta kajian itu sebanyak 66% bersetuju bahawa kaedah ini membantu dalam memahami teknik penulisan Jawi. Sementara itu keseluruhan peserta (100%) menyatakan melalui intervensi yang diperkenalin, mereka semakin berminat dalam mempelajari bidang Jawi. Daripada pernyataan-pernyataan peserta kajian ini terbukti bahwa ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ mampu menarik minat murid dalam terus mempelajari Jawi.

#### **Nota Lapangan**

Catatan nota lapangan turut digunakan bagi mengutip data untuk persoalan kedua. Berikut merupakan sampel catatan nota saya terhadap Peserta Kajian 1.

Peserta 1	Murid ini mempunya i <u>perwatakan introvert</u> . Diasungguh malu ketika berada di kelas atau pun di khalayak ramai. Apabila diberikan soalan dia hanya menyatakan jawab sepatah dua. Kadang-kadang berikan jawapan negatif. Seperkara yang diperhatikan murid ini dapat berbual dengan rancak jikas ayah bersuamukadenganya tanyakan pada orang lain. Ternyata dalam dia, murid ini mempunya sifat sumaklumat.  Namun terdapat perubahan positif terhadap murid ini sepanjang menyatakan praktikum selamatigabulan. Melalui pendekatan yang berpusatkan murid, sedikit sebanyak murid ini menjadi aktif di dalam kelas. Antara perubahan yang ketaraialah dia di antara yang <u>mengangkat tangan apabila soalan diajukan secara kelas</u> . Kaedah berkesan vokal AWI ini sedikit sebanyak memberikan implikasi positif terhadap psikologi murid.	- perwatakan introvert  - perubahan positif  - mengangkat tangan apabila soalan diajukan secara kelas
-----------	--	---

#### **REFLEKSI**

##### **Refleksi Penilaian tindakan**

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, saya dapat mengenal pasti terdapat kekuatan dan juga tindakan susulan yang perlu diambil perhatian. Kekuatan dapat dilihat daripada kajian ini ialah pendedahan kepada murid tentang satu kaedah Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/

baharu dalam menyambungkan huruf-huruf jawi. Ini sesuai dengan prinsip asas pengajaran iaitu prinsip daripada tidak tahu kepada tahu dan faham. Kaedah baharu ini juga dapat merangsang kesediaan afektif dalam kalangan responden untuk terus mengikuti proses pembelajaran dengan sepenuh tumpuan. Gabung jalin simbol dan aplikasi warna turut merangsang minda murid untuk belajar.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Penerapan kaedah berkesan vokal AWI  
initielah memberi banyak perubahan terhadap profesionalisme keguru dan dalam diri saya. Sebelum ini rata-rata murid kurang jarid dalam penulisan jawi namun setelah mengaplikasikan inovasi pendidikan terhadap mereka, kemahiran penulisan jawi dapat dikuasai dengan baik. Daripada ini saya dapat mengetahui kelemahan yang wujud iaitu kaedah yang efektif dapat mengubah minat murid dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran. Sepanjang menjalankan kajian tindakan ini saya telah banyak merujuk buku-buku mengenai penulisan Jawi yang telah banyak di tulik sebelum ini. Perkara ini telah banyak memberi implikasi terhadap yang ada dalam mendalam mengenai penulisan jawi yang dekupus ditelanzaman.

### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Untuk cadangan kajian seterusnya, saya cadang ‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ ini diaplikasikan pada huruf-huruf Jawi yang lain. Dengan mempelabagaikan kaedah pengajaran, murid-murid akan berasater dorong untuk terus belajar. Kaedah gabung jalin yang sayagunakan pada intervensi ini adalah warna dan simbol. Warna merah dan hijau masing-masing digunakan untuk huruf bersambung dan tidak bersambung pada intervensi ini. Kae dah ini diteguhkan lagi dengan simbol tambahan tolak pada huruf untuk memudahkan pe mahaman murid. Cadangan saya adalah kajian lanjutan jika kaedah ini diaplikasikan pada intervensi ini. Mungkin boleh pelabagaikan dengan menggunakan teknik nyanyian bagi memudahkan pemahaman dan ingatan murid. Sebagai seorang guru seharusnya mempelabagaikan kaedah pengajarannya agar lebih menarik minat murid dalam mengajar dan pembelajaran.

### **Kesimpulan**

‘Kaedah Berkesan Vokal AWI’ yang diperkenalkan ini dapat membantu murid mengenali huruf-huruf yang boleh dan tidak boleh disambung. Ia adalah sebagai kata kunci dalam menyambung huruf-huruf Jawi tunggal menjadi perkataan dan menulisnya dengan betul.

Penggunaan simbol (+) dan (-) serta aplikasi warna pada intervensi yang dilihat daripada kajian ini banyak membantu meningkatkan kemahiran responden dalam menyambung huruf-huruf vokal dan menulis Jawi dengan betul.

### **RUJUKAN**

- Ahmad b. Mohd Salleh (1995). *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.  
Baharudin Kulup Harun (1989). *Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*. Unit Pendidikan Islam, Pusat Perkembangan Kurikulum : Malaysia.

- Mustapha Yazid (1991). *Penguasaan Jawi di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Kelantan: Satu Kajian Khusus di Daerah Kota Bharu*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Wong Kiet Wah (2010), *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Selangor: Penerbitan Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, Wan Kamaruddin Wean Hassan. (2009). *Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Shah Alam : Penerbitan Oxford Fajar Sdn. Bhd.